# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 13 | RABU 29HB. MACH, 1978. | 1398 رابو 19 ربيع الاخير | PERCHUMA




## ISTIADAT MENGORNIAKAN GELARAN CHETERIA KPD PEGUAM NEGARA

SATU Istiadat Mengorniakan gelaran Cheteria kapada Yang Berhormat Peguam Negara telah di-langsongkan di-Lapau pada hari Selasa minggu lalu. Istiadat yang di-jalankan dengan penoh adat-istiadat itu di-laksanakan di-hadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah dan telah dihadhiri oleh Kerabat2 Diraja serta pembesar2 negara.

Yang Berhormat Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas kini bergelar Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja.

Gambar2 ini menunjokkan ketika istiadat mengorniakan gelaran kapada Y. B. Peguam Negara itu. Di-sebelah kanan kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah sempurna istiadat mengorniakan gelaran kapada Yang Amat Mulia itu. Manakala gambar di-sebelah kiri pula menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Besar bin Pengiran Anak Metussin Kula sedang menapakkan gangsa kabahu Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja. Mengapit di-sebelah kiri Yang Amat Mulia itu ia-lah Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.



## JABATAN PELAJARAN BENTOK YUNIT KARIKULUM

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dalam membentok suasana keazaman bagi meninggikan taraf pendidekan dan pengajaran di-negara ini, Jabatan Pelajaran telah mengambil langkah dalam mengubah-suaikan serta memperibaiki sistem pelajaran, menyelideki susunan mata2 pelajaran, kaedah mengajar dan sukatan2 pelajaran melalui pembentokan Yunit Karikulum.

Demikian telah di-nyatakan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, Awg Abdul Razak bin Haji Mohammad sa-jurus sa-belum membuka rasmi Peraduan Perengkat Akhir Kuiz Sekolah2 Rendah Kerajaan Negeri Brunei, anjoran Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran, bertempat di-dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini Sabtu lalu.

Peraduan pada hari itu ada-lah merupakan kemunchak bagi peraduan2 yang telah di-jalankan sachara berperengkat2 sejak bulan Januari lalu.

Awang Abdul Razak, penoh yakin, dengan terbentok-nya yunit itu, langkah2 positif untok memberi kursus dan mengenal-suai mata2 pelajaran baru yang mana dasar untok mengatorkan-nya di-pertanggong-jawabkan kapada Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong akan dapat di-ranchangkan dengan lebeh terator lagi mulai tahun ini.

Awang Abdul Razak berkata, sa-banyak dua buah sekolah rendah telah dipileh oleh Jabatan Pelajaran untok di-jadikan 'model' bagi mempraktikkan segala idea daripada yunit tersebut.

"Jika perchubaan2 tersebut menampakkan kejayaan, ia-nya akan di-laksanakan dengan memberi kursus kapada guru2 berkenaan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong", tambah beliau.

Berhubong dengan usaha yang di-ranchangkan itu, Awang Abdul Razak menyatakan, satu garis kasar telah pun di-atorkan kapada Guru2 Besar dan guru2 untok bertindak dalam menggiatkan pelajaran murid2 mereka dalam tiga aspek ia-itu membuat kerja rumah, kerja harian dan pepereksaan penggal dan akhir tahun.

Awang Abdul Razak saterus-nya melahirkan rasa kesal-nya di-mana katanya, terdapat beberapa buah sekolah maseh lagi tidak mengindahkan arahan2 demikian.

"Perkara ini sangat dikesalkan kerana ini menunjokkan kapada kita semua, Guru2 Besar dan guru2 telah mengabaikan 'mandat' ibu-bapa dan negara untok membimbing dan memberi asas2 pelajaran anak2 di-perengkat sekolah2 rendah," kata-nya. Belia juga mengingatkan mereka supaya arahan Jabatan Pelajaran yang terkandong dalam surat keliling 147/1977 akan di-beri perhatian lebeh positif oleh mereka tanpa sebarang alasan.

Lihat muka 12

## Diraja Brunei ubah jadual penerbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei akan membuat beberapa perubahan dan tambahan dalam jadual penerbangannya mulai bulan April depan.

Menurut kenyataan yang di-keluarkan oleh sharikat itu menyatakan penerbangan tambahan akan dibuat dalam perkhidmatannya ka-Bangkok. Mulai 4hb April depan Diraja Brunei akan bertolak dari lapangan terbang antarabangsa Brunei pada jam 1.00 tengah hari pada tiap2 hari Selasa. Perkhidmatan ini akan memberikan peluang kapada pelanchong2 menggunakan tambang murah dan melawat ka-Negeri Thai dalam masa yang pendek ia-itu dari hari Selasa hingga hari Sabtu atau dari hari Jumaat hingga hari Selasa.

Penerbangan tambahan juga akan di-adakan bagi penerbangan2 antara Brunei dan Singapura pada hari Ahad. Mulai 2hb April Diraja Brunei akan membuat dua penerbangan pada tiap2 hari Ahad. Penerbangan pada sebelah pagi akan bertolak ka-Singapura pada jam 11.15 manakala penerbangan sebelah petang akan bertolak pada jam 6.30.

Diraja Brunei juga mengumomkan perubahan2 dalam jadual penerbangannya antara Brunei dan Singapura. Mulai 1hb April dan juga hari Khamis, penerbangan BI 323 akan bertolak pada jam 9.00 pagi dan tiba di-Singapura pada jam 10.25 pagi ia-itu 90 minit lebeh awal dari biasa.

Sementara itu Diraja Brunei juga membuat perubahan penerbangan hari Sabtu/Ahad ka-Singapura. Penerbangan sebelah petang dari Singapura akan di-gantikan dengan penerbangan sebelah pagi hari Ahad dan dari Brunei ka-Singapura, penerbangan sebelah pagi hari Ahad akan di-gantikan dengan penerbangan tengah hari Ahad ia-itu pada jam 4.15 petang.

Penerbangan ka-Hong Kong pada tiap2 hari Khamis dan Ahad akan bertolak dari Brunei pada jam 8.30 pagi dan penerbangan pulang tiba di-Bandar Seri Begawan pada jam 3.15 petang.

Penerbangan ka-Kota Kinabalu pada tiap2 hari Khamis, Jumaat dan Sabtu dan bertolak dari Brunei pada 3.50 petang.

Penerbangan BI 231 ka-Kuching pada tiap2 hari Ahad akan bertolak pada jam 2.45 petang sementara pada tiap2 hari Isnin dan Rabu akan bertolak pada jam 3.50 petang.

Perkhidmatan ka-Manila tidak berubah ia-itu pada tiap2 hari Rabu dan Ahad yang mana penerbangan BI 737 akan bertolak pada jam 7.00 malam.

## Perkhidmatan feri di-tutop

ADA-LAH di-maklomkan kapada orang ramai dan pengguna2 perkhidmatan feri yang menyeberangi Sungai Belait di-Kuala Belait, bahawa perkhidmatan tersebut akan di-tutop untok kegunaan awam salama empat hari. Penutopan tersebut di-lakukan kerana Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada hari2 tersebut akan menjalankan kerja2 pengangkutan dan pemunggahan jentera2 kakawasan baru di-Rasau seberang Sungai Belait.

Hari2 penutopan tersebut ada-lah saperti berikut:

Khamis dan Jumaat: 30hb, dan 31hb Mach, 1978 serta hari Isnin dan Selasa: 10hb dan 11hb April, 1978 antara jam 1.00 tengah hari hingga 6.00 petang.

## Jadual lawatan ka-Muzium di-ubah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untok mengelakkan masa menunggu yang begitu lama oleh pelawat2 yang mengunjongi Muzium Brunei di-Kota Batu yang sa-belum ini di-buka pada pukol 10.00 pagi, satu perubahan masa lawatan telah di-ator untok pelawat2 saperti berikut mulai 4hb April, 1978 ini:

Pada hari2 Sabtu, Ahad, Selasa, Rabu dan Khamis masa lawatan ia-lah dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang sementara hari Jumaat masa lawatan ia-lah dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang.

Muzium Brunei di-tutop untok kunjongan orang ramai pada tiap2 hari Isnin.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

29HB. MACH, 1978.

# MEMPERBAIKI SISTEM PELAJARAN

KEAZAMAN serta usaha Jabatan Pelajaran pada meninggikan serta memperbaiki lagi sistem pelajaran di-negeri ini telah di-suarakan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, sa-jurus sa-belum membuka rasmi Perlawanan Perengkat Akhir Kuiz Sekolah2 Rendah Kerajaan, pada hari Sabtu lalu. Beliau menyatakan satu garis kasar telah pun di-atorkan kapada Guru2 Besar, khusus-nya dan guru2 pada umom-nya untok bertindak dalam menggiatkan pelajaran murid2 mereka dalam tiga aspek ia-itu membuat kerja2 rumah, kerja harian dan pepereksaan penggal dan akhir tahun.

Menurut-nya lagi, Jabatan Pelajaran telah mengambil tindakan tegas dalam mengubah-suaikan langkah2 untok memperbaiki sistem pelajaran melalui pembentokan Unit Karikulum demi untok menyelideki susunan mata2 pelajaran, kaedah mengajar dan sukatan2 pelajaran. Berikutan dengan pembentokan unit tersebut, langkah2 positif untok memberi kursus dan mengenal-suai mata2 pelajaran baru yang mana dasar untok mengatorkan-nya di-pertanggong-jawabkan kapada Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, akan dapat di-ranchangkan dengan lebeh terator lagi mulai tahun ini.

Kita penoh perchaya dengan terlaksana-nya perbaikan sistem pelajaran yang sedang di-atorkan itu ia-nya akan dapat lagi mempertinggikan taraf pendidekan dan pelajaran di-negeri ini.

Dan ada-lah suatu perkara yang mustahil perbaikan sistem pelajaran yang di-chadangkan itu akan dapat terlaksana tanpa kerjasama Guru2 Besar, guru2 dan para ibubapa. Kerana bagaimana pun indah-nya dasar serta sistem pelajaran itu, tanpa kerjasama yang jujor dan ikhlas dari para guru dan ibubapa ia-nya hanya akan menjadi impian sa-mata2! Dari itu Timbalan Pengarah Pelajaran telah mengingatkan kapada para guru supaya akan dapat mengikuti arahan Jabatan Pelajaran yang terkandong dalam Surat Keliling 147/1977, supaya di-berikan perhatian lebeh positif tanpa sa-barang alasan dan berharap supaya Guru2 Besar dan guru2 tidak akan mengabaikan mandat yang telah di-amanahkan oleh para ibubapa dan negara untok membimbing serta memberi asas2 pelajaran kapada anak2 di-perengkat rendah!

# DARI BILEK TAKLIMAT

## Siri kelapan

DALAM siri yang lalu kita telah menyentoh lima buah kampong dalam Mukim Serasa di-Daerah Brunei/Muara. Sekarang kita meninjau pula ka-Kampong Serasa. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Ali bin Ahmad dan mempunyai pendudok kira2 sa-ramai 409 orang dan banyak rumah di-dalam-nya kira2 76 buah. Di-kampong ini juga terdapat kemudahan2 saperti perigi, Jalan Serasa sa-panjang dua batu, bekalan letrik, dan di-kampong ini juga di-bangunkan sabuah Sekolah Melayu. Menyentoh pencharian pendudok2 di-kampong ini sama-lah juga saperti kampong2 lain yang telah di-sebutkan dalam Mukim Serasa ini.

Dari Kampong Serasa ini kita beraleh pula ka-Kampong Batu Marang.

Kampong Batu Marang ini-lah tempat menetapnya Penghulu Kampong yang tersebut tadi ia-itu Pengiran Haji Kahar bin Pg Besar.

Ramai pendudok kampong ini kira2 569 orang dan banyak rumah-nya kira2 59 orang ia-itu mengikut laporan dari Pejabat Daerah dalam tahun 1976.

Oleh kerana kampong ini terletak di-tebing sungai, Kerajaan telah membena jembatan untok kesenangan pendudok2 di-kampong tersebut saperti berikut:

(a) Dalam tahun 1967 jembatan telah di-bena sa-panjang 1,000 kaki yang menghubongkan tebing Sungai Batu Marang dengan Sungai Buloh.

(b) Dalam tahun 1968 jembatan telah di-bena sa-panjang 308 kaki untok perhubongan seberang menyeberang dalam kampong Batu Marang ini lebeh tepat bagi kemudahan2 kanak2 dan orang ramai menghubongi Sekolah Melayu Batu Marang yang letak-nya berseberangan dengan kedudokan kampong tersebut.

(c) Dalam tahun 1976 sa-panjang 2,391 kaki jembatan telah di-bena bagi perhubongan antara rumah ka-rumah (mengelilingi kawasan rumah2 kampong ini).

Perhubongan ka-kampong ini menggunakan perjalanan di-ayer, kerana letak kampong ini ia-lah di-tebing sungai Batu Marang, akan tetapi kita boleh juga menggunakan jalan darat dengan melalui jembatan yang menghubongi Sungai Buloh. Dan dari situ menggunakan sampan atau outbot.

Lain2 kemudahan yang terdapat di-kampong itu ia-lah sa-buah Sekolah Melayu, sa-buah Masjid dan bekalan ayer. Tidak lama lagi kampong tersebut akan mendapat bekalan letrik. Kerja ka-atas projek tersebut sekarang sedang di-selenggarakan.

Begitu-lah kemudahan2 yang telah dapat di-berikan oleh Kerajaan DYMM, walau bagaimana susah-nya sekali pun.

Kampong2 atau tempat yang ada di-pelusok negara ini, kerajaan sentiasa berakhtiar dan berusaha untok memberi kemudahan bagi meninggikan taraf hidup raayat. Kalau kita lihat Kampong Batu Marang ini ada-lah sa-buah kampong amat sukar untok memberi kemudahan tersebut namun demikian kerajaan tetap berusaha untok mengatasi kesukaran itu mengikut kemampuan.

Pendudok2 di-Kampong Batu Marang ini kebanyakan-nya menjadi nelayan di-samping bekerja dengan Kerajaan dan lain2.

Dari kampong Batu Marang tadi kita beraleh pula ka-Kampong Mentiri. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Dewa bin Rabaha. Ramai pendudok-nya ia-lah kira2 414 orang dan 52 buah rumah yang kebanyakan-nya berderet2 sa-panjang jalan Kota Batu/Muara.

Kemudahan2 yang terdapat di-kampong ini ia-lah sa-buah ampangan ayer (paip) di-buat dalam tahun 1968. Jalan Raya sa-panjang dua batu yang menghubongkan kampong ini dengan Jalan Muara dan Kampong Sungai Besar yang mana pada masa ini jalan tersebut telah di-ambil aleh oleh pehak Jabatan Kerja Raya yang menjadi sa-bahagian Jalan Kota Batu/Muara.

Dalam kampong ini terdapat sa-buah pantai yang telah di-usahakan oleh Pejabat Daerah pada mula-nya telah di-jadikan sa-buah tempat peranginan dan di-sini juga masa ini telah di-buat sa-buah padang golf dan sa-buah jembatan tempat peranginan di-Pengkalan Sibabau.

Kemudahan2 yang lain juga terdapat dengan baik-nya di-kampong ini saperti Sekolah Melayu, bekalan ayer, bekalan letrik, jalan Kota Batu-Muara.

Sa-sudah kita berjalan melalui Jalan Kota Batu-Muara kerana meninjau kampong2 yang termasok dalam Mukim Serasa, sekarang mari kita berjalan melalui Jalan Berakas-Muara kerana ada dua kampong yang termasok di-mukim tersebut. Kira2 enam batu dari Pekan Muara melalui Jalan Berakas-Muara terletak-lah sa-buah kampong bernama Kampong Tanah Jambu yang di-ketuai oleh Awang Haji Mohd Noor bin Zakariah. Ramai pendudok-nya ia-itu kira2 437 orang dan banyak rumah-nya pula kira2 82 buah. Kampong Tanah Jambu ini ada-lah satu kawasan dengan Kampong Salar yang dalam jagaan Ketua Kampong Tanah Jambu ini.

Di-dalam kampong ini telah terdapat kemudahan2 jalan sa-panjang tiga perlapan batu yang menghubongkan kampong ini dengan Jalan Muara, jembatan 28 kaki panjang dan 6 kaki lebar. Kemudahan2 yang lain juga terdapat saperti Sekolah Melayu, masjid, bekalan ayer dan bekalan letrik.

Dengan ini selasai-lah sudah kita memperkatakan kampong2 di-Mukim Serasa, dalam Daerah Brunei-Muara ini.

# Persembahan pencharagam sekolah2 menengah

BANDAR SERI BEGAWAN.— Persembahan Pencharagam Sekolah2 Menengah kali pertama 1978 yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran di-jangka akan di-adakan pada bulan Julai depan.



Gambar memperlihatkan pasokan pencharagam Maktab SOAS (J) salah sa-buah pencharagam yang akan mengambil bahagian dalam persembahan tersebut.

Persembahan yang julong2 kali itu akan di-sertai oleh tujoh buah sekolah menengah Kerajaan seluroh negeri yang mempunyai pasokan pencharagam sekolah masing2 dengan membawakan persembahan permainan mereka sa-banyak 33 buah lagu.

Menurut Pengerusi Persembahan itu, Awg Zainie Abdul Hamid, Penyusun Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran menyatakan persembahan tersebut di-adakan sempena meraikan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32.

Ia-nya antara lain bertujuan memperlihatkan kapada pehak berkenaan sa-takat mana kejayaan yang telah di-chapai dan di-perolehi oleh pasokan2 pencharagam yang di-tubohkan dengan perbelanjaan yang telah di-keluarkan sa-takat ini.

Awang Zainie menambah kata, persembahan itu akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan, pada 15hb Julai depan di-sebelah petang ia-itu sa-telah selesai-nya upachara perbarisan hari keputeraan Baginda di-sebelah pagi.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 23hb Mach, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman
      No. 94, Jalan Chevalier.
   b) Chuan Joo Department Store,
      No. 9, Cathay Building,
   c) A. M. Mohammad Ali Maricar,
      No. 87, Jalan Chevalier,
   d) Chong Hock & Son,
      No. A-1, Jalan McArthur
   e) Lam Seng,
      No. 3, Jalan McArthur
   f) Ghee Guan,
      No. 4, Jalan McArthur.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Fon Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. UBI KENTANG — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Yick Fatt,
   No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
      No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Heo,
      No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Sim Fatt Hin,
      No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. KULAT KERING (Bertangkai) — $2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Poh Shing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# 2,421 ORANG LULUS PEREKSA T.M.I (M) 1977

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,421 orang pelajar kelas dewasa perdagangan di-seluroh negeri telah berjaya dalam pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura yang telah di-adakan pada pertengahan bulan Disember, 1977 lepas.

Pepereksaan tersebut yang telah di-jalankan di-12 buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri ada-lah di-anjorkan oleh Institiut Trengkas Melayu (M) Singapura dan di-kelolakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran dengan 2,759 orang penuntut yang mendudoki-nya.

Antara jumlah yang berjaya itu termasok-lah 2,214 orang penuntut telah berjaya dalam pepereksaan Menaip di-dua aliran Melayu dan Inggeris ia-itu 1,221 orang bagi Menaip Permulaan, 569 orang Menaip Menengah dan 324 orang Menaip Tertinggi serta 3 orang penuntut lagi berjaya dalam ujian kepantasan Menaip Tertinggi.

Dalam mata pelajaran trengkas 170 orang penuntut telah lulus ia-itu 132 Trengkas Permulaan, 28 penuntut lulus Trengkas Menengah dan 10 orang Trengkas Tertinggi serta 3 orang yang lain lulus dalam ujian kepantasan trengkas.

Lima orang penuntut lagi lulus dalam steno Melayu perengkat junior, sa-orang lulus dalam aliran Inggeris perengkat junior dan dua orang dalam aliran Melayu di-perengkat senior.

Dalam pepereksaan Simpan Kira di-perengkat permulaan sa-ramai delapan orang lulus dalam aliran Melayu dan sembilan orang dalam aliran Inggeris manakala empat orang lagi lulus di-perengkat menengah aliran Inggeris.



PEGAWAI2 Kanan Kerajaan bergambar ramai sa-telah menamatkan kursus sengkat dalam bidang "Development Management Skills" yang telah di-adakan baru2 ini.

Kursus sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan, Brunei dan di-kelolakan oleh Penasehat Teknologi Latehan dan Latehan Kaki-tangan dari Sharikat Minyak Shell International, London, Awang H. Stans Stancliffe dan telah di-adakan di-Pusat Latehan di-Jalan Kumbang Pasang.

# Lemah-nya sikap 'esprit-de-corp menjejaskan aktibiti2 dan pelajaran penuntut — AWANG HAJI ABU BAKAR

JALAN MUARA. —Ketiadaan kerjasama, ketiadaan semangat bersatu padu, dan lemah-nya sikap *esprit-de-corp* di-kalangan penuntut akan menjejaskan aktiviti2 dan mungkin juga pelajaran penuntut.

Demikian antara lain yang di-tekankan oleh Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong ketika merasmikan Minggu Orientasi bagi penuntut2 baru Pusat Tingkatan Enam yang telah berlangsong di-sini Khamis lalu.

Minggu Orientasi itu di-hadhiri oleh 297 orang penuntut yang terdiri daripada 119 orang dari aliran Melayu dan 178 orang dari aliran Inggeris dan akan berakhir pada 2hb April depan.

Dalam uchapan-nya Awg Haji Abu Bakar juga menegaskan bahawa pada hemat beliau, antara lain tujuan Orientasi itu ia-lah untok merapatkan lagi hubongan antara penuntut2 baharu dengan penuntut2 lama salain daripada mengenalkan nilai2 norma dan tradisi PTE yang bakal di-warisi oleh sa-tiap ahli-nya.

'Kamu telah di-asoh untok hidup sa-chara berdisiplin-pembentokan disiplin sendiri saperti menepati masa belajar dan menghormati guru. Semua orang akan bergembira jika kamu dapat menegakkan hidup berdisplin saperti yang di-amalkan masa ini hingga masa akan datang', tegas beliau lagi.

Akan tetapi, beliau mengingatkan, jika ia hanya tinggal di-situ sahaja, hanya timbul sa-masa Orientasi, maka matalamat Orientasi tidak-lah terchapai sapenoh-nya.

Menurut sa-orang juruchakap di-pusat tersebut, Minggu Orientasi sa-patutnya hanya akan di-adakan sa-lama sa-minggu sahaja, tetapi memandangkan keputusan pepereksaan perengkat 'O' yang di-perolehi oleh penuntut2 berkenaan terlalu awal di-keluarkan dari tahun2 lepas maka kemasokan sementara bagi penuntut2 baru PTE terpaksa di-adakan.

Kerana itu, tambah-nya Minggu Orientasi tersebut telah di-adakan pada 18hb Mach lepas di-mana berbagai2 achara telah di-susun di-sepanjang Minggu Orientasi tersebut.

Antara susunan achara yang telah di-jalankan oleh penuntut2 baru PTE itu termasok-lah permainan sokan, persembahan kebudayaan, lawatan dan pembersehan kawasan kampus PTE di-Gadong.

# Jadual perjalanan Pejabat Pos bergerak

BERIKUT ini ia-lah jadual baru perjalanan dan tempat2 persinggahan bagi Pejabat Pos Bergerak, Jabatan Perkhidmatan Pos yang akan di-mulai pada 1hb April depan.

Pada lazim-nya Pejabat Pos Bergerak ini akan berada di-tiap2 satu tempat sa-lama 10 minit untok menjual setem2, wang pos British, menerima surat2 berdaftar, perkakas2 pos saperti surat udara, sarong surat berdaftar, peti2 surat untok rumah2 sendirian dan lain.

## BANDAR SERI BEGAWAN

### ISNIN

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Pejabat Istana Darul Hana | 8.00– 8.25 |
| S.M. Bendahara Sakam Bunut | 8.35– 9.50 |
| S.M.O.K. Setia Bakti Kilanas | ,, ,, |
| Pusat Pertanian Kilanas | ,, ,, |
| Di-tepi jalan di-hadapan Sekolah Melayu Sengkurong | ,, ,, |
| Pejabat Pertanian Jerudong | 10.30–11.20 |
| Pejabat Pertanian Luahan | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Jerudong | ,, ,, |

| PETANG | JAM |
|---|---|
| Sekolah Melayu Mulaut | 2.00– 3.15 |
| Sekolah Melayu Masin | ,, ,, |
| Kampong Pengkalan Batu | ,, ,, |

### SELASA

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Sekolah Melayu Keriam | 8.15– 9.00 |
| Sekolah Melayu Penanjong | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Tanjong Maya | 9.15–10.20 |
| Sekolah Melayu Penapar | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Bukit Udal | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Kuala Tutong | 10.50–11.00 |

| PETANG | JAM |
|---|---|
| Kampong Subok | 1.45– 3.00 |
| Kampong Belimbing | ,, ,, |

### RABU

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Pejabat Istana Daru Hana | 8.00– 8.25 |
| Pusat Pertanian Birau | 8.45–11.30 |
| Sekolah Melayu Birau | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Kiudang | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | ,, ,, |
| Bukit Sulang | ,, ,, |
| Kawasan Pusat Perbekalan Ayer Layong | ,, ,, |
| Balai Pulis Lamunin | ,, ,, |

| PETANG | JAM |
|---|---|
| Kampong Gadong Estate | 1.30– 2.30 |
| Sekolah Persediaan Inggeris Gadong | ,, ,, |
| Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong | ,, ,, |
| Kampong Mata2 | 2.45– 3.30 |
| Kampong Beribi | ,, ,, |
| Kampong Jangsak | ,, ,, |

### KHAMIS

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Sekolah Melayu Pintu Malim | 8.15–10.00 |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Besar | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 8.15–10.00 |
| Sekolah Melayu Serasa | 10.15–10.30 |
| Depan A.M.D.B. di-Muara | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Tanah Jambu | 10.45–11.45 |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Delima Satu | ,, ,, |
| Pusat Tingkatan Enam | ,, ,, |

| PETANG | JAM |
|---|---|
| Tanjong Bunut | 2.00– 3.15 |
| Tanjong Nangka | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Katimahar | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Kupang | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Sinaut | ,, ,, |

### SABTU

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Sekolah Melayu Amar Pahlawan | 8.15–11.40 |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | ,, ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas | ,, ,, |
| Kampong Serusop | ,, ,, |
| Sekolah Melayu D. M. Wangsa Lambak | ,, ,, |
| Kawasan Manggis (Batu 6½) | ,, ,, |
| Pusat Latehan Polis | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Delima II | ,, ,, |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | ,, ,, |

| PETANG | JAM |
|---|---|
| Pejabat Istana Darul Hana | 1.30– 1.55 |
| Kampong Kiulap | 2.10– 3.15 |
| Kampong Kiarong | ,, ,, |

## KUALA BELAIT

### ISNIN

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Kedai Sungai Liang | 8.30–11.20 |
| Bukit Beruang | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Telisai | ,, ,, |
| Sekolah Melayu Danau | ,, ,, |
| Kampong2 Danau | ,, ,, |

### RABU

| PAGI | JAM |
|---|---|
| Kampong Sungai Tali | 8.30–11.20 |
| Sekolah Melayu Lumut | ,, ,, |
| LNG (dekat pintu masok yang terkawal) | ,, ,, |

### SABTU

| PAGI | JAM |
|---|---|
| BSP Marine Yard Kuala Belait | 8.30–11.30 |
| Kawasan Trade School K.B. | ,, ,, |
| Sungai Pandan I-II | ,, ,, |
| Di-hadapan Sekolah A.A.C. | ,, ,, |
| Kampong Perpindahan Baru | ,, ,, |
| Kampong Mumong | ,, ,, |

# Negeri2 yang di-jangkati taun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan dan Kesihatan Brunei telah menerima maklumat dari Kementerian Kesihatan Malaysia di-Kuala Lumpur bahawa negeri2 yang tersebut dibawah ini telah di-istiharkan di-jangkiti oleh penyakit taun.

Kota Star sejak 7hb Mach; Ulu Selangor dan Northern Province Welles-ley sejak 9hb Mach; North East Penang dan Seramban sejak 10hb Mach; South West Penang sejak 11hb Mach; Sik dan Baling sejak 14hb Mach; Kuala Muda sejak 15hb Mach dan Krian sejak 17hb Mach.



Kelihatan sa-bahagian dari 30 orang penuntut baru PTE yang sedang menjalani Minggu Orientasi mereka mendengar penerangan yang di-berikan oleh Pengurus Dairy Farm di-Lambak, Awang Bedford. Rombongan tersebut di-ketuai oleh Awang J. Coates, pensharah PTE.



The Attorney-General flanked by the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg Haji Rajid and Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Besar bin Pengiran Anak Metussin Kula (nearest the camera).

# ATTORNEY GENERAL MADE CHETERIA

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Attorney-General, Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, was installed as a Cheteria at a ceremony held at the Lapau here last Tuesday.

Pengiran Bahrin is now known as Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja.

The ceremony was conducted in the presence of His Highness the Sultan and attended by the British High Commissioner, Mr. James Davidson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khiri Waddien, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Muhammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah and other state dignitaries.

# Citizens offered Technical Training

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is inviting applications from subjects of His Highness the Sultan who wish to undergo technical training at the Pusat Latehan Technical, Jalan Muara, the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait and the Sultan Saiful Rizal School of Building, Jalan Muara.

The Pusat Latehan Technical is offering six one-year full time courses namely C&G 626 Construction Technician, Land Surveying, C&G 625 General Construction, C&G 250 General Engineering, Basic Engineering and Motor Vehicle Body Repair and a 22 to 24-week course on Vehicle Mechanics.

The Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait has two six-month courses on C&G 270 Telecoms Technician Part 1 1st. Year and C&G 270 Telecoms Technician Part 1 2nd. Year, and two one-year fulltime courses namely C&G 222 Radio, TV & Electronics Mechanics and Basic Engineering.

The Sultan Saiful Rizal School of Building has two one-year fulltime courses on Carpentry and Bricklaying.

Those interested can obtain further information and application forms from the Education Department or the Principals of the above schools or any secondary school.

The forms should be sent to the Organiser of Technical Education, Education Department Head Office here not later than April 15.

# *Employees to have a cooperative shop*

SERIA. — Government and Brunei Shell employees here have decided to form a cooperative shop.

The decision was reached at a meeting of their representatives at the Muhammad Alam Malay School here recently.

A protem committee, headed by Awang Daud bin Haji Abdul Ghani, has been formed to prepare a constitution for the shop.

An officer from the Cooperative Development Department, Awang Abdul Hamid, delivered a talk on the cooperative movement in the State at the meeting.

# Soccer tourney to mark Queen's visit

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Kampong Saba Association, PERKASA, is organising a football tournament to commemorate Queen Elizabeth's 1972 visit to Brunei.

The tournament will be held early next month and is open to youth associations and villages in Kampong Ayer.

# Marine Police visit KB

MUARA. — About forty members of the Royal Brunei Marine Police in three patrol boats made a three-day visit to Kuala Belait last week.

They included twenty recruits who were on a three-week basic training here.

The visit-cum-training, the first of its kind ever, was also intended to familiarise them with the country's beaches..

During their stay, they played friendly soccer, sepak takraw and volley ball matches with their counterparts in the Royal Brunei Police Force in the district.

They also gave a reception in one of the patrol boats for VIPs in the area.

# Orientation week for 312 new students

JALAN MUARA. — The Orientation Week for three hundred and twelve new students of the Sixth Form Centre here will end this Sunday.

It was declared open last Thursday by the Head of the Planning, Research and Guidance Unit, Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Among the activities in the orientation programme are visits to the Sinaut Agricultural Training Centre, the Berakas Camp, the Police Training Centre, Dairy Farm and trades schools.

# *Businessman briefed on survey*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Officers from the Economic Planning Unit last week had a meeting with representatives of the Chinese and Indian chambers of commerce here on the economic survey now being launched by the Government.

The meeting held at the Churchill Memorial Museum was attended by more than sixty local businessmen.

During the meeting they were briefed on the survey and the sort of information required by it.



SOME of the twenty senior government officers who attended a course called "Developing Man-Management Skills" which was organised by the Establishment Department and conducted by an expert from London, Mr. S. Stancliffe who is seen standing above.

# Three off to U.K. on a mission

BANDAR SERI BEGAWAN.— Islamic study may be one of the main subjects in the General Certificate of Education advanced level examination in the not too distant future.

The Government last week sent a three-man team headed by the State Religious Affairs Officer, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin to London to discuss the matter with education authorities there.

The other members of the delegation are the Director of Education, Awang Ahmad bin Haji Jumat and the Examinations Officer, Awang Muhammad Yusof bin Daud.

While in London, the three men will also study problems faced by Brunei students in Britain.

They were also scheduled to make a stopover in the Egyptian capital of Cairo to meet Brunei officials and students there.

# *Symposium on drug abuse*

BANDAR SERI BEGAWAN.—A symposium with the theme "The Evils of Drug Abuse" was held at the Churchill Memorial Lecture Hall here on Sunday.

The symposium was the first to be organised by the Brunei Chemical Society.

A prominent figure from Singapore, Dr Chao Tze Cheng, who is a forensic pathologist, delivered the main lecture illustrating the theme of the symposium.

Another speaker was a senior Brunei police officer, ASP Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail who gave a talk on "Drug Abuse And Trafficking in Brunei."

The State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, who is also the patron of the society, was the guest of honour at the gathering.

It was also attended by members of the society and special invited guests from among others the Medical and Health Department, Royal Brunei Police, Customs Department, Brunei Shell Petroleum Company, lawyers and private practitioners throughout the State.



The students during a visit to Dairy Farm.




# Tanggong-jawab suami kapada isteri: Suatu amanah dari Allah s.w.t.

UGAMA Islam telah meletakkan beberapa kewajipan suami yang mesti di-lakukan-nya terhadap isteri-nya, sama juga sa-bagaimana Islam meletakkan tanggong-jawab isteri terhadap suami-nya. Semua ini ada-lah merupakan garis penentu, yang menentukan sa-jauh mana keteguhan sa-sebuah rumah-tangga itu dapat di-chapai.

Sa-chara rengkas, di-antara kewajipan2 suami yang terpenting ia-lah:

PERTAMA — Menchukopkan nafkah dzahir dengan sa-penoh-nya, yang berupa makanan, pakaian dan tempat tinggal dengan kadar kemampuan suami itu.

KEDUA — Bergaul dengan baik serta menghormati perasaan isteri. Sebab isteri juga mempunyai perasaan dan harga diri yang mesti di-jaga atau di-pelihara. Menjaga dan memelihara hati serta perasaan isteri sa-chara yang berpatutan dan betul, ada-lah sa-bahagian daripada pendidekan jiwa kapada isteri2 itu. Bokti-nya amat terang di-dalam masharakat, barang siapa yang baik pergaulan-nya di-dalam rumah-tangga, rumah-tangga itu pada lazim-nya ada-lah baik dan bahagia. Sa-balek-nya pergaulan yang burok di-dalam rumah-tangga, sangat biasa menchiptakan keluarga yang burok pula dan purak peranda. Oleh kerana itu-lah, di-dalam Suratun-Nisa ayat 19 Allah memerintahkan umat Islam supaya kita orang2 lelaki yakni para suami bergual dengan isteri2 kita sa-chara yang baik, berpersafahaman, kaseh mengasehi dan bertimbang-rasa. Hal ini di-jelaskan pula oleh sa-buah hadith yang di-petik dari kitab Riyadhus-Salehin dalam bab Al-Wasiyyat Binnisa, yang maksud-nya kira2 :

*"Yang lebeh sempurna di-antara orang Mukmin itu ia-lah orang yang paling baik budi pekerti-nya, dan yang paling baik di-antara kamu ia-lah orang yang baik pergaulan-nya dengan isteri2 mereka."*

Kewajipan yang ketiga — Ia-lah memelihara hak isteri dengan memberikan hak2 sa-ketiduran serta tidak sekali2 chuba mengkhianati-nya. Pengkhianatan dan mensia2kan hak yang sademikian ini ada-lah satu kedzaliman. Sa-buah hadith ada menerangkan tentang perchakapan Rasulullah s.a.w. dengan sa-seorang, yang maksud-nya Baginda bertanya : *"Wahai hamba Allah! Tidak-kah aku beritahu engkau puasa di-siang hari dan beribadat pada malam-nya? Jawab ku ya! Sabda Baginda: "Jangan engkau perbuat yang demikian itu lagi. Berpuasa-lah dan berbuka-lah. Beribadat-lah malam hari dan tidur, kerana tuboh badan mu ada hak atas diri mu, mata mu ada hak atas diri mu, dan isteri mu ada hak atas diri mu."*

Pendek-nya kita orang2 Islam yang menjadi suami ada-lah menerima amanah Allah s.w.t. untok bertanggong-jawab penoh memelihara isteri2 kita dengan sempurna dan yang sa-layak-nya. Hal yang sa-umpama ini bukan-lah perkara sangka2 sahaja, tetapi ia-nya amat banyak di-terangkan dalam hadith2 Nabi, di-antara-nya Rasulullah s.a.w. telah melarang keras menchela atau menchachi kaum perempuan, atau memukol muka-nya, atau maki hamun di-hadapan orang lain, walau pun sa-patut-nya sudah boleh di-pukol atau di-halau. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud kira2 :

*"Beri-lah dia (isteri kamu) itu makanan bila kamu makan, dan beri-lah dia pakaian bila kamu memakai. Jangan kamu pukol ka-muka-nya dan jangan kamu halau kechuali dalam rumah sahaja."*

Ini-lah di-antara peratoran Islam untok mengawal dan memelihara ketegohan rumah-tangga orang2 Islam, yang jika di-patohi dan di-ikut, sudah tentu tidak akan terdapat kehidupan yang malap dan gelap di-kalangan keluarga2 muslimin, tidak akan terdapat suami2 yang churang, isteri2 yang merana dan anak2 yang sakit jiwa di-sebabkan orang tua-nya sering chakar menchakar antara satu sama lain. Mudah2an dalam saat2 kita mengharapkan satu masharakat muslimin yang kukoh, yang beriman dan sejahtera tegak di-negara Brunei Darussalam ini, maka semua orang akan insaf dan menyedari betapa kebahagiaan umat itu ada-lah di-bangun dari bawah, dari kumpolan yang kechil ia-itu keluarga, yang daripada-nya munchol jenerasi besar yang bernama umat atau bangsa. Mari-lah kita bangun keluarga kita yang baik dengan anak kunchi-nya memelihara amanah Allah ia-itu para isteri, dalam erti menjadikan mereka itu suri rumah yang sejati, ibu yang benar2 ibu kapada anak2 dan isteri yang benar2 isteri kapada suami2.

### Bingkisan minggu ini

# "SALAM" ERATKAN PERPADUAN

ISLAM ada-lah ugama perpaduan umat. Salah satu chara yang boleh menimbulkan rasa perpaduan serta muhibbah itu ia-lah dengan menghidangkan uchapan yang paling mudah dan senang — ia-itu uchapan "salam", saperti "Assalamu Alaikom". Uchapan ini di-hidangkan apabila kita berjumpa atau bertemu dengan sa-seorang — tidak kira di-mana atau bila2 masa, siang atau malam, ia sesuai dan merangkumi untok kesejahteraan sa-tiap masa. Sa-bagaimana kita maalom tujuan orang memberi uchap selamat saperti "selamat pagi", "selamat malam", "selamat jalan" dan sa-umpama-nya itu bertujuan untok mendo'akan sa-seorang itu agar selamat dan sejahtera di-samping mengeratkan lagi persahabatan.

Tapi kalau kita teliti baik2 — salam di-dalam Islam itu lebeh sempurna dan lebeh tinggi nilai-nya, di-mana ia bukan saja di-uchapkan apabila bertemu atau berjumpa sa-seorang, tetapi juga telah menjadi salah satu rukun di-dalam sembahyang.

Kalau di-perhatikan, perbuatan memberi salam ini chuma suatu perkara yang kechil dan mudah saja. Tapi di-sebabkan kekechilan dan kemudahan-nya ini-lah yang membuat umat Islam sering lupa atau sengaja tidak mengamalkan-nya. Pada hal apabila di-analisa — di-samping kesenangan dan kemudahan-nya itu ia mengandongi beberapa hekmat dan faedah2 yang tersendiri. Antara lain ada-lah saperti berikut yang pernah di-sabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang maksud-nya lebeh kurang :

*"Kamu tidak akan masok ka-dalam shurga, sa-hingga kamu telah beriman, dan tidak sempurna iman kamu sa-hingga kamu ada perasaan kaseh sayang. Suka-kah engkau aku tunjokkan kapada kamu satu perkara apabila kamu lakukan perkara itu neschaya kamu akan berkaseh mesra? Perbuatan itu ia-lah memberi salam di-antara kamu."*

Walau bagaimana pun penguchapan salam di-kalangan orang2 kita (Islam) dapat juga di-banggakan, di-mana penggunaan-nya bukan saja oleh alim ulama atau "orang ugama" dan orang2 tua, tetapi juga lazim-nya oleh belia2 kita, sa-hingga apabila memulakan perchakapan melalui mass-media2 saperti radio dan TV pun sering kita di-hidangkan dengan uchapan Assalamu Alaikom.

Tetapi yang aneh-nya ada di-antara orang2 Islam sendiri merasa segan bila di-hidangkan dengan uchapan salam saperti "Assalamu Alaikom Wa Rahmatullah" itu kapada-nya. Sa-balek-nya mereka lebeh gembira dan senang hati kalau di-hidangkan dengan uchapan "good morning", "good night", "good bye" dan sa-umpama-nya.

Kita perchaya tentu-lah apabila sa-tiap kita tidak lagi segan2 atau pun chuba pula menchari dan menggunakan chara2 lain dalam perkara uchapan selamat, ia-itu kita membiasakan diri dengan menggunakan uchapan Assalamu Alaikom dalam sa-tiap kesempatan dan munasabah2, maka tentu-lah itu satu langkah sa-tapak lagi dalam menuju hasrat berchara-hidupkan chara Islam.

# Saudara baru

BANDAR SERI BEGAWAN.—Guadin bin Junggi @ PAULUS sa-orang pemuda Kadazan berumor 23 tahun berasal dari Kampong Kilugus, Residency Peladaman, Sabah, telah memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 21hb Mach.



**Mohd. Morshidi bin Abdullah**

Saudara baru dari Sabah itu kini di-kenali sa-bagai Mohd Morshidi bin Abdullah. Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin sa-orang pegawai di-Jabatan tersebut.

Sementara itu di-Daerah Belait sa-orang Iban dan sa-orang Dusun telah memelok ugama Islam baru2 ini.

Ronie anak Juan, 21 tahun, berasal dari Miri, Sarawak kini di-kenali sa-bagai Mohd Ranie bin Abdullah sa-telah menjalani peng-Islaman-nya di-rumah Awg Sipin bin Mohammad, Lorong 4, Seria.

Manakala majlis peng-Islaman bagi sa-orang pemuda Dusun Sayang bin Awang, 27 tahun, berasal dari Kampong Kiudang, telah berlangsong di-Pejabat Ugama Kuala Belait. Sayang memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Sufian bin Abdullah.

Awang Johari bin Haji Omar sa-orang pegawai dari Pejabat Ugama Kuala Belait telah menyempurnakan pengIslaman kedua2 orang saudara baru itu.



Sa-orang pekerja Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Sapik anak Indeh telah memelok ugama Islam baru2 ini dan memileh nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohammad Ali bin Abdullah.

Bagi mengalu2kan saudara baru itu, kaki-tangan jabatan tersebut telah menghadiahkan satu chenderamata kapada beliau yang di-sampaikan oleh Awang Suhaimi bin Awang Besar (gambar atas).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb Mach 1978 hingga ka-hari Selasa 4hb April, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 30hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 31hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 1hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 2hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 3hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |
| 4hb April | 12.29 | 3.44 | 6.33 | 7.45 | 4.48 | 5.03 | 6.18 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# ANAK2 KITA DI-GREAT BRITAIN

## KEGIATAN2 PENUNTUT (2)

**oleh: PENGIRAN MUSTAPHA**

**Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom (BSU) telah di-tubohkan pada 22hb Nobember, 1959. Ramai ahli2-nya pada ketika itu hanya kira2 20 orang sahaja. Persatuan ini-lah menjadi jentera yang menjalankan segala kegiatan kebajikan penuntut2 di-Great Britain sejak ia di-tubohkan hingga pada masa ini. Peranan yang di-mainkan oleh persatuan itu sangat berkesan. Saya tidak-lah pula berhajat untok mendedahkan semua kegiatan yang di-jalankan oleh persatuan itu sejak ia di-tubohkan. Saya chuma menyentoh sa-bahagian daripada aspek kegiatan2 yang di-laksanakan penuntut2 melalui persatuan itu sejak saya mula bertugas di-Pejabat Ajensi Kerajaan Brunei di-London pada 10hb Jun, 1976.**

Segala kegiatan2 persatuan mereka itu ada-lah hasil dari perundingan dan permashuaratan. Dengan sa-chara langsong mereka pandai berunding dan bermashuarat. Melalui kegiatan2 itu pula mereka dapat pengalaman untok mengendalikan sa-suatu tugas. Apabila tiba masa-nya mereka akan di-beri tanggong-jawab dalam perkhidmatan awam mereka tidak akan kaku melaksanakannya. Akan tetapi tidak ramai pula yang melibatkan diri dalam pengendalian kegiatan2 itu. Ini sedikit mendukachitakan. Walau bagaimana pun kegiatan2 yang di-anjorkan oleh persatuan mereka itu mendapat sambutan yang hangat. Boleh di-katakan sokongan moral dan material sentiasa di-berikan oleh sa-bilangan besar masharakat penuntut.

### Keputeraan Duli Yang Maha Mulia

Sa-bagai raayat yang beraja, walau pun penuntut2 Brunei itu berada di-negeri orang mereka tetap setia kapada raja mereka. Untok menghormati kedaulatan raja mereka, tiap2 tahun bila tiba tarikh keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, mereka mengadakan perayaan yang meriah. Perayaan tersebut tidak-lah sa-hebat yang saban kali di-adakan di-tanah ayer oleh seluroh raayat. Penuntut2 hanya dapat mengadakan perayaan yang terdaya oleh mereka. Sa-lain daripada merayakan di-London, penuntut2 yang sedang berchuti di-tanah ayer pun turut menyumbangkan tenaga dalam perayaan tersebut di-Brunei dengan mengadakan jamuan di-Dewan Majlis. Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri berserta dengan Kerabat2 Diraja telah berangkat berchemar-duli ka-majlis tersebut. Ini ada-lah suatu penghormatan kapada penuntut2. Sudah barang tentu-nya penuntut2 menghargai penghormatan itu.

### Penghormatan Kapada Ugama

Saperti yang saya katakan terdahulu bahawa penuntut2 Brunei kebanyakan-nya yang berugama Islam dan terdapat juga yang berugama Keristian.

Penuntut2 yang berugama Islam tidak lupa mengerjakan sembahyang lima waktu dan puasa dalam bulan Ramadhan. Tiap2 waktu magrib dan isha mereka adakan sembahyang berjemaah di-Surau Rumah Brunei. Tiap2 malam Juma'at di-adakan pula bachaan tahlil dan do'a selamat sa-lepas sembahyang isha. Penuntut2 sendiri yang menjadi imam dan khatib.

Sembahyang sunat Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji di-adakan tiap2 tahun. Oleh sebab Surau Rumah Brunei terlampau kechil maka sembahyang itu di-adakan di-bilek permainan yang lebeh luas di-Rumah Brunei. Yang Di-muliakan Pehin Khatib Haji Yusof bin Abdul Latif ketika beliau berada di-London pada tahun 1976 telah di-lantek menjadi imam untok memimpin sembahyang Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji pada tahun itu. Sembahyang2 Hari Raya pada tahun lalu di-pimpin oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim tatkala beliau menjalani kursus pentadbiran di-London. Takbir Hari Raya berkumandang sa-bagai juga kedengaran ketika sambutan sembahyang Hari Raya di-adakan di-Brunei.

Ketika puasa, penuntut2 turut menyediakan makanan untok sahor. Mereka bergilir2 memasak pada tengah malam apabila tukang masak asrama tidak dapat melakukan pekerjaan itu. Penuntut lelaki dan perempuan bekerjasama melaksanakan tugas itu. Makanan untok berbuka puasa di-sediakan oleh tukang masak saperti biasa.

Waktu berbuka puasa lebeh lewat dari di-Brunei kerana musim panas sangat lambat. Waktu berbuka puasa dalam bulan Ogos ia-lah pukul 8.00 lalu. Majlis bertedarus di-adakan tiap2 malam sepanjang bulan Ramadhan. Khatam Al-Kor'an juga di-adakan sa-bagai penutop majlis tedarus.

Sa-lain daripada mengadakan sembahyang2 Hari Raya, penuntut2 juga merayakan Hari Raya Puasa dan Haji. Berbagai2 achara hiboran di-adakan dalam perayaan itu. Dengan ada-nya perayaan2 itu penuntut2 tidak ketinggalan merasa kegembiraan pada hari bahagia itu. Sunggoh pun demikian perasaan pilu tidak dapat di-elakkan kerana kebahagian Hari Raya itu tidak di-rayakan bersama2 ibubapada dan sanak saudara.

12hb Rabil-Awal ia-lah tarikh keputeraan pemimpin Agong, Nabi Muhammad s.a.w. Sa-bagai menghargai jasa2 Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan shi'ar Ugama Islam yang maha suchi, penuntut2 merayakan hari tersebut. Sudah dua tahun berturut2 sambutan Maulud Nabi telah di-adakan di-Rumah Brunei di-London. Achara berdzikir menjadi kemunchak dalam perayaan tersebut. Sunggoh pun pakar2 dzikir tidak ada, akan tetapi terdapat juga pedzikir2 amator untok menjayakan achara itu. Asalai, Hairuman dan Marhaban berjaya di-dzikirkan.

Penuntut2 yang bukan berugama Islam tidak ketinggalan menunaikan kewajipan mereka terhadap ugama masing2. Mereka bersembahyang di-gereja2 tiap2 hari Ahad saperti juga penuntut2 berugama Islam sembahyang Jumaat di-Masjid di-Regent Park bagi yang tinggal di-London dan di-masjid2 lain bagi yang tinggal di-tempat lain. Kebanyakan penuntut2 tidak dapat menunaikan sembahyang Jumaat kerana hari Jumaat ada-lah hari persekolahan dan masjid2 sangat jauh dari tempat mereka belajar. Mana2 penuntut yang kebetulan tidak ada jadual belajar pada waktu sembahyang Jumaat dapat-lah menunaikan sembahyang tersebut.

Hari Natal, Tahun Baru China dan tahun baru Masehi di-rayakan juga. Perayaan2 tersebut menambahkan lagi muhibah antara penuntut2.

Saya telah di-beri kesempatan untok menyampaikan uchapan dalam majlis2 perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Saya uchapkan terima kaseh atas penghargaan penuntut2 itu.



Sembahyang Hari Raya Aidil Fitri di-Rumah Brunei, London yang di-pimpin oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim menjadi Imam (atas). Sementara gambar bawah menunjokkan penuntut2 mempersembahkan sa-buah nashid sa-masa sambutan Hari Raya Aidil Fitri, 1977 di-Rumah Brunei, London. Gambar2 ehsan Md Sharir bin Haji Moksin.






### Upachara mengIslamkan dan nikah kahwin

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah memberi mandat kapada Ajensi Kerajaan Brunei di-London untok melaksanakan pernikahan penuntut2 Brunei dan pengIslaman orang yang berhajat menganut ugama Islam. Mandat ini bagi memberi kemudahan kapada penuntut2 Brunei yang ingin nikah atau mengIslamkan orang yang berhajat memelok ugama Islam di-United Kingdom.

Sa-chara tidak langsong saya menjadi wakil kadhi untok melaksanakan mandat tersebut. Sijil2 nikah dan masok Islam telah di-sediakan. Di-bawah ini di-chatetkan pernikahan dan pengIslaman yang telah di-laksanakan sejak saya menjalankan tugas tersebut di-London.

Pada 10hb Oktober, 1976 Dayang Sunita Padmawatie Persaud keturunan India, telah memelok ugama Islam dan nama Islam-nya ia-lah Rokiah bte Abdullah. Upachara pengIslaman-nya itu di-jalankan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Md Yusof bin Abd Latif.

Kemudian Awg Haji Mohd Murad bin Abang Ali telah melaksanakan pengIslaman bagi Dayang Nellie Gallo Corpuz, bangsa Filipino, pada 5hb Jun, 1977 dan bagi Dayang Han Lian Eng, bangsa China, pada 24hb Julai, 1977. Nama Islam mereka masing2 ia-lah Nellie Wani bte Abdullah dan Noorhayati Han bte Abdul Rahim.

Empat pasangan pengantin telah di-sempurnakan perkahwinan mereka.

Awang Maidin bin Abdul Hamid dan Dayang Nellie Wani bte Abdullah telah di-akad nikahkan oleh Awang Abdul Mokti bin Mohd Daud pada 18hb Jun, 1977.

Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin telah menikahkan Awang Abdul Rahim bin P.O.K.I.D. Haji Musa dengan Noorhayati Han bte Abdul Rahim pada 7hb Ogos, 1977.

Pada 29hb Oktober, 1977 Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim telah menikahkan Awg Md Zein bin Mohamed dan Dayang Rokiah bte Abdullah.

Sa-kali lagi Awang Abdul Mokti bin Mohd Daud telah menyempurnakan akad nikah Awang Ahmad Bukhari bin Haji Hanifah dengan Dayang Rosni bte Hamzah pada 17hb Disember, 1977 di-Coventry.

Sunggoh pun perkahwinan penuntut2 di-adakan di-negeri orang tanpa di-hadhiri ibubapa, perayaan bersanding demi mengekalkan adat, tidak lekang dek panas dan tak reput dek hujan, tetap ada. Majlis berbedak2 mandi, masok berbedak dan majlis berinai tidak-lah dapat di-adakan. Akan tetapi pelamin tidak kurang hebat-nya saperti yang terdapat di-tanah ayer. Atas kerjasama penuntut2 majlis2 perkahwinan dan pengIslaman yang di-adakan di-Rumah Brunei, London semua-nya dapat di-rayakan sa-chara besar2an.

### Sokan dan Lawatan

Penuntut2 tidak berkumpal kesejokan. Mereka giat dalam sokan dan permainan. Periawanan dan pertandingan dalam sokan dan permainan di-jalankan dari sa-masa ka-semasa. Berbagai2 kegiatan sokan di-gemari penuntut2, ping pong, chator, dart, scrabble dan bola meja.

Untok beredar dari Great Britain mereka mengadakan lawatan ka-Humberg, Jerman Barat dan Amsterdam, Belanda pada musim chuti Easter dan Summer tahun lalu. Ada sa-tengah-nya pula melawat tempat2 di-Great Britain saja.

### Forum dan Muzakarah

Bagi menambahkan pengetahuan dan meluahkan fikiran, majlis2 forum dan muzakarah telah di-adakan di-Rumah Brunei. Pada 3hb April, 1977, ahli2 panel yang terdiri dari Dayang Hayati bte Pehin Md Salleh, Dayang Norfishah bte Jirim, Awang Sumadi bin Sukaimi dan saya sendiri telah membinchangkan tajok, "Women's emancipation in every sphere" atau "Kemerdekaan wanita di-dalam semua lapangan". Forum tersebut di-pengerusikan oleh Dk Haklimah bte Pengiran Penggawa Pg Haji Mokhtar Puteh.

Ura2 penubohan universiti di-Brunei telah menarek perhatian penuntut2 Brunei di-Great Britain. Mereka menyambut baik atas ranchangan itu. Perkara itu telah di-binchangkan pada 12hb April, 1977 dalam suatu forum yang bertajok "Pembentokan Pusat Pengajian Tinggi di-Brunei." Ahli2 panel terdiri dari Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman, Awang Abdul Mokti bin Mohd Daud, Awang Johari bin Haji Awang dan saya sendiri. Pengerusi forum itu ia-lah Awang Haji Mohd Murad bin Abang Ali. Sayang-nya rumusan forum itu tidak di-sebarkan.

Bakal2 guru telah membinchangkan beberapa perkara mengenai aspek2 perkhidmatan guru. Majlis itu di-adakan pada tengah hari 24hb Disember, 1977. Satu jawatankuasa kerja telah di-bentok untok membuat rumusan hasil dari perbinchangan itu.

Pada malam-nya majlis muzakarah di-adakan juga. Majlis itu di-pengerusikan oleh Awang Haji Saman bin Kahar, Dr. Husain bin Haji Md Daud, Awang Abas bin Haji Serudin dan saya sendiri. Berbagai perkara di-binchangkan dan di-tanyakan dalam majlis itu.

(BERSAMBONG)

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb. hingga 5hb. April, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 1.4.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 1.4.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 1.4.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Berakas English School (Bahagian Rendah) | 3.4.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 3.4.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 4.4.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 4.4.1978 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 5.4.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 5.4.1978 | Rabu | 10.00–10.30 ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 5.4.1978 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 5.4.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/hari |

# IKATAN BELIA BERAKAS TEWASKAN PASOKAN INDERA 1—0

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Bolasepak Indera telah gagal untok merebut gelaran kedua sa-telah tewas dalam pertandingan akhir bolasepak yang di-anjorkan oleh Persatuan Indera. Sa-belum itu INDERA telah menjadi johan Piala Liga Brunei sa-telah berjaya menumpaskan pasokan MUARA UNITED dalam pertandingan akhir Piala Liga tersebut.

Dalam pertandingan akhir yang telah di-adakan pada hari Jumaat lalu di-Padang Besar, INDERA telah menemui Ikatan Belia Berakas (IBB) dengan keputusan-nya IBB mengalahkan INDERA dengan satu gol tidak berbalas. Gol tersebut telah di-jaringkan oleh pemain gantian, Awang Zaini Md. Sanif dalam sa-paroh masa kedua sa-telah kedua2 pasokan seri 0-0 dalam sa-paroh masa pertama.

Sa-belum itu IBB telah menemui pasokan KUJAGA sa-banyak dua kali dalam pertandingan sa-paroh akhir dengan keputusan-nya seri (2-2) pada kali pertama dan pada kali kedua KUJAGA tewas dengan 3 gol berbalas 1.

Oskar2 dan Piala2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, yang mana juga telah merasmikan pertandingan akhir Piala Liga Bolasepak Indera. Oskar dan Piala rebutan itu ada-lah hadiah dari Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.






GAMBAR kiri atas, Awang Idris bin Abdul Hamid, ketua Pasokan IBB (Johan Piala Liga Indera) menerima oskar kemenangan dari YAM Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan gambar kanan atas, Awang Rosli Mahmud Ketua Pasokan Indera sa-bagai Naib Johan.

Bergambar ramai dengan oskar kemenangan ini ia-lah Pasokan Ikatan Belia Berakas (IBB) bersama2 penyokong2-nya (kiri) dan gambar kanan pula kelihatan penjaga pintu IBB dapat menyelamatkan bola sa-belum di-tandok oleh salah sa-orang dari pasokan Indera.





# KALENDAR SOKAN DAN OLAHRAGA BAGI BULAN APRIL 1978

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berikut ini ia-lah Kalendar Sokan dan Olahraga, Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani, sa-bagai projek tahunan-nya bagi bulan April 1978 : —

1. Perlawanan Bolasepak perengkat daerah kumpolan 'D' Sekolah2 Menengah Atas pada hari Sabtu 8hb April, 1978.
2. Perlawanan Sepaktakraw perengkat daerah kumpolan 'A' dan 'B' Sekolah2 Menengah Bawah pada hari Selasa 11hb April, 1978.
3. Pendaftaran Kursus Pengadil dan Pelateh Permainan B/Jaring bertempat di-Sekolah Pertukangan Saiful Rizal Jalan Muara pada hari Rabu 12hb April, 1978 jam 4.30 petang.
4. Penutop Pendaftaran Perlawanan Hoki Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas pada hari Khamis 13hb April, 1978 jam 12.00 tengah hari.
5. Penutop Pendaftaran Perlawanan B/Tampar Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas pada hari Khamis 13hb April, 1978 jam 12.00 tengah hari.
6. Perlawanan Bolasepak Kumpolan 'D' perengkat negeri Sekolah2 Menengah Atas pada hari Rabu 26hb April, 1978.
7. Perlawanan S/Takraw perengkat negeri Sekolah2 Menengah Bawah pada hari Khamis 27hb April, 1978.
8. Perlawanan B/Jaring perengkat negeri Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas pada hari Sabtu 29hb April, 1978.

# SULTAN HASSAN TEWAS DI-TANGAN SMAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin (SMAT), Kuala Belait telah menyandang sa-bagai Johan Pertandingan bolasepak antara Sekolah2 Rendah Melayu seluroh negeri tahun 1978 sa-telah mengalahkan pasokan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Temburong dengan 2-1.

Pertandingan akhir ini telah di-adakan minggu lalu di-Padang Besar sini, dengan di-saksikan oleh ramai peminat2 bolasepak tempatan.

Sementara itu pertandingan akhir bolasepak bagi Kumpolan "C" telah di-langsongkan di-Padang Besar, Isnin lepas dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara, Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Gambar bawah kelihatan Awg Abdul Hamid bin Haji Abdul Jalil sedang menyampaikan hadiah2 di-akhir pertandingan sementara gambar bawah kanan peserta2 dari kedua pasokan yang menyandang johan dan naib johan bagi pertandingan bolasepak antara Sekolah2 Rendah Melayu Negeri Brunei bagi tahun 1978.





## Persatuan Badminton

BANDAR SERI BEGAWAN.—Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei telah mengadakan mashuarat-nya di-Pusat Belia sini bagi membinchangkan perlawanan badminton sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan tahun ini.

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka; 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00—Permintaan perajurit; 7.36—Mutiara Hikmat — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.30 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.



RANCHANGAN Apa Pilehan Awda minggu ini akan di-penohi dengan lagu2 pilehan Dayang Hamaryhayati A.H.D., Kampong Pekilong Muara, Brunei (gambar atas).

Lagu2 pilehan Dayang Hamaryhayati akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 31hb Mach, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya akan dapat Awda ikuti pada hari berikut-nya jam 9.30 pagi.

## JUMAAT

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Dari bintang ka-bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Soalan di-udara/apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Terima-lah Sampul Surat 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Dunia Wanita; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.30 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 3.45 — Arena sokan; 4.15 — Keluarga jaya 4.45 — Cherpen dan selokan-nya (SU); 5.15 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.15 — Serbanika persembahan; 9.45 — Hiboran malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak dan irama (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN2 BARU

BAHAGIAN Melayu Radio Talivishen Brunei, akan memperkenalkan beberapa buah ranchangan2 baru untok di-siarkan mulai bulan depan.

Di-samping mengenalkan 11 buah ranchangan yang baru itu, Bahagian Melayu Radio Brunei juga berusaha memberi nafas baru kapada ranchangan2-nya yang lama.

Antara ranchangan2 yang akan dapat di-ikuti itu nanti, ia-lah :

**Terima-lah Sampul Surat-ku** ia-itu sa-buah ranchangan yang dulu-nya, di-terbitkan sa-tahun sekali. Ranchangan ini, di-sertai oleh para penuntun di-pentas Pesta Ria dengan menjawap beberapa soalan yang di-kemukakan oleh juru-achara Radio, di-samping mereka menerima hadiah2 yang luchu dan menggembirakan.

**Dari Pusat Tingkatan Enam :** Ranchangan 30 minit ini, akan menyuarakan kegiatan2 dan kemajuan2 yang di-chapai oleh pelajar di-Pusat itu, yang di-sifatkan sa-bagai pelajar2 pre-Universiti yang akan menjadi chontoh tauladan kapada pelajar2 di-sekolah menengah dan rendah.

**Dari Bengkel Penulis :** Kandongan-nya akan mengemukakan masaalah penulisan di-kalangan penulis2 tanah ayer. Di-samping itu ranchangan ini juga akan di-muatkan dengan keritik dan tegoran terhadap satu2 penghasilan atau penulisan sastera itu.

**Buloh Perindu :** Ranchangan 15 minit ini akan membawa AWDA untok mengikuti cherita2 keindahan alam dengan bunyi2 burong ke-hidupan pokok2 dan tumbohan. Hadiah2 juga akan di-beri kapada pendengar yang menyertai dalam soalan2 yang di-kemukakan melalui ruangan ini.

**Pengelaman AWDA :** Sa-buah ranchangan 15 minit akan membawa AWDA mengikuti cherita2 yang menarek dari pengelaman2 hidup dan tanggong-jawab sa-seorang.

**Documentary Radio :** Akan membawa AWDA menyingkap kembali tirai sejarah2 Agong Dunia, di-masa yang lampau.

**Mari Berzikir :** Mari berzikir ranchangan yang di-tunggu2 oleh peminat2 zikir di-tanah ayer.

**Ruangan Kesihatan :** Ranchangan ini sedikit sa-banyak akan dapat memberikan pimpinan kapada AWDA, khas-nya kapada suri2 rumah tangga dalam usaha menjaga kesihatan AWDA, di-rumah.

**Dari Pendengar Untok Pendengar :** Ranchangan yang sa-tengah jam ini, akan memberi kesempatan yang baik kapada pendengar yang mempunyai bakat dan peristiwa2 yang di-alami dalam kehidupan untok di-cheritakan dan di-Komin oleh pendengar yang mengambil bahagian dalam ranchangan ini.

**Panorama Radio :** akan membawa kita untok mengikuti lebeh lanjut lagi, akan kegiatan yang sudah di-chapai dan juga sedang di-ranchang oleh satu2 perusahaan atau perniagaan bumiputera di-negeri ini.

**Siri Sejarah Brunei :** Khas untok pelajar2 yang berminat untok mengikuti perkembangan sejarah tanah ayer dan ingin mengetahui lebeh dekat lagi meengenai dengan Sejarah Brunei.

Sa-lain dari itu beberapa buah ranchangan baru juga telah di-siarkan minggu lalu.

Ranchangan2 yang baru yang sudah pun di-mulakan siaran-nya oleh Bahagian Melayu (Radio) itu ia-lah Suara Pulis Diraja, Mari Melanchong dan Kuiz Sekolah2 dan Berbalas Pantun.

# DAN tv BRUNEI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 29HB. MACH,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.28 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — "Jackal"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 RICH MAN, POOR MAN — Bahagian ka-sebelas Pertalian keluarga bertambah baik apabila Tom Jordache pulang ka-Amerika untok menchari anak lelaki-nya.
8.00 DOCTOR AT LARGE — "Let's Start At The Beginning" Michael menghadhiri sa-buah klinik il-mu jiwa beberapa kali untok meluaskan pengalaman-nya.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJLIS PERBINCHANGAN
9.15 SHOW OF THE WEEK : "John Denver In Concert"
10.05 RUGBY HIGHLIGHTS : Wales vs France; England vs Ireland
11.20 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 30HB. MACH,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 "CIRCUS ADVENTURE"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 "CIRCUS ADVENTURE" — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 OREGON TRAIL — sambongan dari minggu lepas
8.00 PLAIN SAILING — "Buying Secondhand"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HIDAYAT
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU : Bertajok : "Gila Talak"
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 31HB. MACH,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Musik"
5.30 HERE'S MUMFIE — "The Lurkings"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BATEFL : "Peraduan Nyanyian dan Sajak"
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 SKIPPY THE BUSH KANGAROO — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 INTERNATIONAL POP PROMS — Dengan beberapa bintang terkemuka dalam hiboran antara bangsa.
8.00 ARE YOU BEING SERVED — "Fire Practice"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 MICROBES AND MEN — "The Search For The Magic Bullet" Ranchangan terakhir siri dokumentari ini memperlihatkan Paul Ehrlich dan Salvarsan — ubat ajaib yang pertama.
10.00 MYSTERY MOVIE : McCoy "The Big Rip-Off"
11.30 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 1HB. APRIL,

PETANG :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SESAME STREET — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS
8.00 DISCO 77
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BISTARI
9.15 BINTANG BOLA SEPAK
10.05 TAYANGAN MALAM SABTU "Money From Home" Sa-buah komidi mengesahkan tentang lumba kuda yang di-bintangi oleh Dean Martin dan Jerry Lewis.
11.45 SIARAN TAMAT.



Temu-ramah dengan dua orang bidan dari Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Temu-ramah ini akan dapat di-ikuti dalam Ranchangan Serikandi pada hari Isnin 3hb April.

### AHAD — 2HB. APRIL,

PETANG :
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL — "Mengira"
5.30 THE MAGIC BALL — "The Toy Soldier"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW SCOOBY DOO — "The Harum Scarum Sanitorium"
6.28 DON'T ASK ME
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 BIONIC WOMAN "The Pyramid" Jaime Sommers dalam sa-buah piramid yang tertanam di-California Selatan dengan sa-orang lelaki yang mengatakan dunia akan di-musnahkan.
8.00 WILDLIFE IN CRISIS
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MARI GEMBIRA MALAM INI
9.30 THE MONEY CHANGERS — Bahagian Pertama Memulakan siri baru kami yang berdasarkan nobel paling laris oleh Arthur Hailey yang mengesahkan perchubaan untok mendapatkan kuasa di-antara dua orang eksekutif bagi mengawal Empayar Bank. Di-bintangi oleh Kirk Douglas, Christopher Plummer, Ann Baxter.
11.00 THAT'S HOLLYWOOD — Memulakan siri baru kami yang memperlihatkan berbagai aspek penghidupan di-Hollywood, pusat perusahaan filem.
11.30 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 3HB. APRIL,

MALAM :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE ROVERS — "Hamish Where Are You"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 BIG BLUE MARBLE — sambongan

PETANG :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHIPS — "Baby Food" Ikuti-lah pengembaraan terbaru dua orang pegawai bermotosikal peronda jalan raya California.
8.00 SERIKANDI Kali ini ruangan Serikandi akan memuatkan ranchangan temu-ramah dengan dua orang bidan dari rumah sakit besar, chara membuat kueh pudding papaya dan pandu puteri.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 HAWAII FIVE O : "Try To Die On Time"
9.35 WARSHIP — "Knight Errant" Sa-orang kelasi kapal yang terkenal berada di-sebuah kapal sa-orang diri dan dia terpaksa menebus kehormatan-nya.

### SELASA — 4HB. APRIL,

MALAM :
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.33 AZAN MAGHRIB
10.25 SIARAN TAMAT.

PETANG :
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS MYSTERIES
8.00 KEBUN KITA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK — "Cry For The Kids"
9.55 TANDARRA — "The Odds"
10.45 SIARAN TAMAT.

# RADIO

## ENGLISH PROGRAMMES

**WEDNESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30—Midweek Greeting by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

**THURSDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

**FRIDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Talking About Music; 8.30—Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — The Morecambe and Wise Show; 10.15 — A Date with ...; 10.30 —Close Down.

**SATURDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture—Key To Living; 1.00— Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

**SUNDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.00—Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — The Morecambe and Wise Show; 12.30 — News; 12.45 — World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Home To Roost; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

**MONDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Get Away — travels from Brunei; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 — The Best of Clitheroe; 9.15 — News; 9.30 — Sixty Minute Theatre: "A Phoenix Too Frequent" by Christopher Fry; 10.30 — Close Down.

**TUESDAY** AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Gallagher and Lyle" Side 2; 8.30 — Forum — produced by Vivien Cheong; 9.00— It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KASTAM DI-RAJA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kastam Diraja Brunei.

### 1. PEGAWAI PEMEREKSA

**Kelayakan2 :**

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mem-punyai sijil menunjokan salah satu matapelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu dengan faseh.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046 ;071-1097-1122.

### 2. PEGAWAI KASTAM :

**Kelayakan2 :**

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mem-punyai sijil menunjokan salah satu matapelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu dengan faseh.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

### 3. PEMANDU KERETA TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah di-an-tara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan memba-cha.

b) Pemohon mesti-lah peman-du yang berpengalaman dan mempunyai lisen me-mandu yang tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh mem-perbaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB / 414-427-440.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Jaba-tan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb April, 1978.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 34 OF 1978

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

CONSTRUCTION OF A SCHOOL BLOCK OF 5 STANDARD CLASS-ROOMS AND ANCIL-LARY WORKS AT NE-GALANG, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 35 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

RE-ROOFING, REPAIR AND FULL RE-DECORA-TION OF S.O. No. 55 AT JALAN TEMENGGONG, BANDAR SERI BEGA-WAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 36 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

REPAIRS, EXTERNAL AND INTERNAL RE-PAINTING AND RE-PLACING BULLION ROOF WITH ASBESTOS (ARDEX) FOR QUAR-TERS CLASS "F" No. 745 A AND B AT SENGKURONG MALAY SCHOOL, JALAN TU-TONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 37 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

DELIVERY OF EARTH-FILL AND SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSH-ER RUN STONES TO JALAN SENOKOH, TEM-BURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 39 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

REPAIRS AND INTER-NAL/EXTERNAL RE-DECORATION OF OFFI-CERS' MESS, POLICE TRAINING CENTRE, JA-LAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 39 OF 1978

TENDERS will be received from "A" only P.W.D. Regis-tered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 4th April, 1978 for : —

PROPOSED NEW SCIENCE BLOCK FOR SEKOLAH MENENGAH ARAB RAJA ISTERI ANAK DAMIT, JALAN TUTONG, BRU-NEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 40 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

RE-ROOFING, REPAIR AND INTERNAL/EXTER-NAL REDECORATION OF HOUSE "F" 44 A AND B, P.W.D. 527 A AND B AT JALAN SIMPANG, BAN-DAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 41 OF 1978

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

CONSTRUCTION OF A STANDARD SCHOOL BLOCK, A STAND-ARD ADMINISTRA-TION BLOCK AND BUILDING AT SEMA-BAT, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 42 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

CONSTRUCTION OF A MALAY SCHOOL COM-PLEX AT KAMPONG MATA-MATA GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 43 OF 1978

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

CONSTRUCTION OF A SCHOOL AT SELANGAN, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 44 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

FLOOR IMPROVEMENT TO LAND DEPART-MENT OFFICES, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 45 OF 1978

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th April, 1978 for : —

SUPPLY OF PAINTS TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtain-ed at the Office of the Director of Public Works, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 46 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 11th April, 1978 for : —

PROPOSED PENGHULU'S REST HOUSE AT TU-TONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## SUPPLY OF AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUARTERS

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Ban-dar Seri Begawan, Brunei up to noon Monday 3rd April 1978 for : —

SUPPLY OF AND INS-TALLATION OF KIT-CHEN EQUIPMENT FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUAR-TERS, JALAN GADONG.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Ten-derer.

4. The cover must be address-ed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

SUPPLY OF AND INS-TALLATION OF KIT-CHEN EQUIPMENT FOR SPORTS COMPLEX, AT POLICE HEADQUAR-TERS, JALAN GADONG.

5. Tender Document may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 15th March 1978 during normal working hours.

6. The tender deposit will be $300.00 refundable to all un-successful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders to be on the ap-proved form.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL INSTALLATION FOR ADDITIONAL BOOKSTORE FOR D.B.P.

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Ban-dar Seri Begawan, Brunei from registered Class A Con-tractors, up to 9.00 a.m. Tues-day 4th April, 1978 for : —

ELECTRICAL INSTALLA-TION FOR ADDITIONAL BOOKSTORE FOR DE-WAN BAHASA DAN PUS-TAKA.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Ten-derer.

4. The cover must be address-ed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

ELECTRICAL INSTALLA-TION FOR ADDITIONAL BOOKSTORE FOR DE-WAN BAHASA DAN PUS-TAKA.

5. Tender Document may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 15th March 1978 during normal working hours.

6. The tender deposit will be $200.00 refundable to all un-successful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders to be on the ap-proved form.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR ADDITIONAL BOOKSTORE D.B.P.

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Ban-dar Seri Begawan, Brunei from registered Class A Con-tractors, up to 9.00 a.m. Tues-day 4th April, 1978 for : —

AIR CONDITIONING IN-STALLATION FOR ADDI-TIONAL BOOKSTORE FOR DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Ten-derer.

4. The cover must be address-ed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

AIR CONDITIONING IN-STALLATION FOR ADDI-TIONAL BOOKSTORE FOR DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.

5. Tender Document may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 15th March 1978 during normal working hours.

6. The tender deposit will be $200.00 refundable to all un-successful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders to be on the ap-proved form.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## EDUCATION DEPARTMENT BRUNEI TECHNICAL EDUCATION

APPLICANTS are invited from subjects of His Highness the Sultan of Brunei who wish to undergo technical training in the following courses : —

| | | |
|---|---|---|
| **Pusat Latehan Technical, Jalan Muara** | | |
| C & G 626 Construction Technician | — | 1 Year Fulltime Course |
| Land Surveying | — | - do - |
| C & G 625 General Construction | — | - do - |
| C & G 250 General Engineering | — | - do - |
| Basic Engineering | — | - do - |
| Motor Vehicle Body Repair Work | — | - do - |
| Vehicle Mechanic | — | 22-24 Weeks Course |
| **Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait** | | |
| C & G Telecoms Technician Part 1 1st Year | — | 6 months Course |
| C & G Telecoms Technician Part 1 2nd Year | — | - do - |
| C & G 222 Radio, TV & Electronics Mechanics | — | 1 Year Fulltime Course |
| Basic Engineering | — | - do - |
| **Sultan Saiful Rizal School of Building, Jalan Muara** | | |
| Carpentry | — | 1 Year Fulltime Practical Course |
| Bricklaying | — | - do - |

Further information and application forms can be ob-tained from the Education Department or the Principal of the abovementioned schools or any Secondary Schools.

The forms should be sent to the Organiser of Technical Education, Education Department Head Office, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 15th April, 1978.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa untok menghantarkan tawaran mereka bagi menjalan-kan perkhidmatan Kanten Se-kolah Ugama : —

(a) Sekolah Ugama Pekan Belait.

(b) Sekolah Ugama Pekan Tutong.

2. Tawaran2 hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lem-baga Tawaran, Brunei di-ala-mat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari 24hb April, 1978 hari Isnin jam 4.00 pe-tang.

3. Di-luar sampol surat hen-dak-lah di-buboh nama "TA-WARAN KANTEN SEKO-LAH UGAMA PEKAN BE-LAIT" atau "TAWARAN KANTEN SEKOLAH UGA-MA PEKAN TUTONG" (am-bil mana yang satu berkenaan). Nama2 lain tidak di-kehendaki di-buboh di-luar sarong surat itu saperti nama pengirim atau sa-umpama-nya.

4. Wang pendahuluan menge-nai perkara ini hendak-lah di-bayar sa-banyak $50.00 ka-Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang sa-belum tarikh penutop tawaran ini saperti di-para (2) di-atas.

5. Untok mendapatkan kete-rangan lanjut, maka Guru Be-sar Sekolah2 Ugama yang ber-kenaan boleh-lah di-hubongi.

6. Kerajaan tidak akan teri-kat menerima sa-barang tawar-an yang murah atau sa-umpa-ma-nya.

## ELECTRICAL INSTALLATION for PROPOSED STANDBY GENERATING STATION AT THE FLOTILLA BASE — MUARA.

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Ten-ders Board from Registered Class "A" Electrical Contract-ors up to 12.00 noon, 18th April 1978 for : —

ELECTRICAL INSTALLA-TION for PROPOSED STANDBY GENERATING STATION at THE FLO-TILLA BASE — MUARA.

Tender document can be ob-tained from the office of Messrs. Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hong Kong & Shanghai Bank Cham-bers, Bandar Seri Begawan from 29th March 1978 onwards during normal office hours on payment of a tender deposit of B$200.00 which will be re-fundable to all unsuccessful ten-derers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 18th April, 1978.

Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope mark-ed:—

"TENDER FOR ELECTRI-CAL INSTALLATION for PROPOSED STANDBY GENERATING STATION at THE FLOTILLA BASE —MUARA.

The Government of Brunei does not bound to accept the lowest or any tender.

ASSOCIATED CONSULTANTS PRIVATE LIMITED,
ROOMS 27-29,
HONGKONG BANK CHAMBERS,
P. O. Box 697,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. **PENGARANG :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus matapelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Perengkat Tertinggi dan Tiga Matapelajaran Perengkat Biasa (tidak termasok matapelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran; atau
b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam penulisan sastera kreatif serta esei sastera dan kebudayaan dan dapat menunjokkan karya2 yang sudah di-terbitkan.
c) Dapat menulis dan membacha Jawi dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 —B$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. **JURUTULIS JAWI :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang2-nya tiga matapelajaran Perengkat Biasa (satu daripada-nya matapelajaran Bahasa Melayu dan tidak termasok matapelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya; dan
b) Mempunyai latehan asas dalam khat tulisan Jawi dan berkebolehan menulis lebeh daripada satu khat tulisan Jawi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. **PENOLONG PENYUNTING :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus Pepereksaan Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.
b) Mempunyai pengalaman atau bakat dalam karang-mengarang.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasai dua bahasa dan juga berkebolehan membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. **PENOLONG PENGARANG :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus Pepereksaan Sijil Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam karang-mengarang kreatif dan bukan-kreatif dan dapat menunjokkan karya2 yang sudah di-terbitkan.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasai dua bahasa dan juga berkebolehan membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $ 625-657-689-720-752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. **PEGAWAI PERPUSTAKAAN :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus lima mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya; dan
b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 perpustakaan;

atau

c) Lulus tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya; dan
d) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya sa-lama satu tahun;

atau

e) Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dan pernah mengikuti kursus khas dalam bidang perpustakaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $ 625-657-689-720-752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. **PEMBANTU PEGAWAI PERKAMUSAN :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa (tidak termasok mata-pelajaran Senilukis) dalam Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan dapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu)
b) Mempunyai pengetahuan yang baik tentang perbendaharaan-kata Melayu Brunei.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat membacha dan menulis Jawi dengan baik dan mengetahui beberapa dialek yang terdapat di-Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

7. **JURUTAIP :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai kelulusan menaip Perengkat Tertinggi. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang dapat menguasa dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu) dan trengkas.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 - 625-657-689-720-752-784/ E B / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

8. **PENJILID BUKU :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Sekurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengetahuan asas tentang kerja2 menjilid buku dan majalah.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB. 2-3 — $ 370-383-395-408-421 - 434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

9. **PEMANDU :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai lesen memandu Kelas V dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman serta dapat membaiki kerosakan2 kechil dan pada masa ini bermastautin di-Daerah Temburong (Pekan Bangar atau kawasan2 yang berdekatan dengan-nya).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Mei, 1978.

## Electrical Department Tender Notices

### SERIAL No. 8A(AC)78

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A, B & C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 2nd May, 1978 for the:—

INSTALLATION AND MAINTENANCE OF ROOM UNITS AIR CONDITIONERS AND DEHUMIDIFIERS IN GOVERNMENT BUILDINGS, BRUNEI MUARA DISTRICT INCLUDING TUTONG & TEMBURONG FROM 1 JUNE, 1978 TO 31 MAY, 1979.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of Room Unit Air Conditioning, Brunei Muara District.'
4. The Form of Tender including specification and maintenance details can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Tender deposit is $300.00 which will be refunded on receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 8B(AC)78

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A, B & C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 2nd May, 1978 for the:—

INSTALLATION AND MAINTENANCE OF ROOM UNITS AIR CONDITIONERS AND DEHUMIDIFIERS IN GOVERNMENT BUILDINGS, BELAIT DISTRICT FROM 1 JUNE, 1978 TO 31 MAY, 1979.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of Room Unit Air Conditioning, Brunei Muara District.'
4. The Form of Tender including specification and maintenance details can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Tender deposit is $300.00 which will be refunded on receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### ELECTRICAL INSTALLATION SLIPWAY, ROYAL BRUNEI POLICE BRUNEI BASE MUARA

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Government Registered Electrical Contractors up to noon on Tuesday 4th April 1978 for:—

ELECTRICAL INSTALLATION — SLIPWAY, ROYAL BRUNEI POLICE MARINE BASE MUARA.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover, of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman, the Tenders Board, and endorsed as follows :

ELECTRICAL INSTALLATION — SLIPWAY, ROYAL BRUNEI POLICE MARINE BASE MUARA.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan during normal working hours.
6. The tender deposit will be $200.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. The Government does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

### SUPPLY AND INSTALLATION OF AIR CONDITIONING SERVICES TO HEADQUARTER, JALAN TUTONG, B. S. BEGAWAN

REGISTERED Class 'A' Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services To Telecoms Headquarters, Jalan Tutong, B. S. Begawan.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 30th March, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bone fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 18th April, 1978 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:

"TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF AIR CONDITIONING SERVICES TO TELECOMS HEADQUARTER, JALAN TUTONG, B.S. BEGAWAN.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## Successful Tenders

1. Construction of transformer platform at Batu Marang — Hj Tengah bin Ahmad — $37,400.00.
2. Electrical installation at proposed Alternative Store House at the Flotilla Base — Kwek Eng Co — $8,175.00.
3. Supply of swimming pool surround tiles — Maju Jaya (Pte) Ltd — $14,701.40.
4. Proposed drainage works for the Brunei National Stadium — Hoe Bee Const — $141,974.66.
5. Repair and repainting of Police Station and other buildings at Sengkurong — Aw Hj Sulaiman bin Jaafar — 8,975.00 — 2½ months.
6. Construction of toilet block at Sekolah Melayu Sinaut — Hj Ludin bin Hashim — $20,440.00 — 60 days.
7. Air conditioning installation at New Classroom block BTS, Jalan Muara—Paramount (B) Pte Ltd—$96,984.00 26 weeks.
8. Air conditioning installation at the Proposed Alternative Store House at the Flotilla Base — Paramount (B) Pte Ltd — $27,320.00 and $2,200 for one year maintenance — 12 weeks.
9. Canteen catering KB Hospital — Yap Ah Kui — $270 per month.
10. Electrical installation at SMJA Science Laboratory — Modern Elec Co — $5,207.00.
11. Electrical installation at 5 blocks Class B qtrs, 10 blocks Class C qtrs at Telecoms Dept Telisai (Phase I) —New Skylight Elec Co — $79,186.40.
12. Supply of speedboats and trailer for towing to the Fire Brigade — Outboard and Marine Co — $38,148.90 for 2 units speed boats, motors and one unit trailer.
13. Clearance of land for the Mulaut Plain Agricultural Dev Scheme Contract 1A and 1B — Messrs Hong Lee Const Co — $299,400 for Contract 1A, and $355,300 for Contract 1B.

### SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF TRANSFER SYSTEM FOR PROPOSED SYNCROLIFT DOCK/PARKING AREA AT THE FLOTILLA BASE — MUARA.

TENDER will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from J.K.R. Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, 25th April 1978 for : —

SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF TRANSFER SYSTEM FOR PROPOSED SYNCROLIFT DOCK/PARKING AREA AT THE FLOTILLA BASE — MUARA.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hong-Kong & Shanghai Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 1st April 1978 onwards during normal office hours on payment of a tender deposit of B$400.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tenders Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 25th April 1978.

Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : —

"TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of TRANSFER SYSTEM for PROPOSED SYNCROLIFT DOCK/PARKING AREA at the FLOTILLA BASE—MUARA."

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

ASSOCIATED CONSULTANTS PRIVATE LIMITED
ROOMS 27-29,
HONGKONG BANK CHAMBERS
P. O. Box 697,
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

### SUPPLY OF BAGS PLASTIC REFUSE

TENDERS are invited for the supply of bags plastic refuse disposal to Royal Brunei Malay Regiment for 8 months commencing 1st May 1978. The total quantity required is 64,000 bags.

Delivery is required in 8 phases, each delivery comprise of 8,000 bags and to take place on the first week of each calendar month to Transit, Royal Brunei Malay Regiment Logistics Depot, Berakas Camp.

The tender is to state price and delivery time. Enquires on specification can be made to DAA & QMG, Regimental Headquarters, Berakas Camp.

Tenders are to be submitted to the Chairman Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 14 hours on Saturday 1st April 1978. All tenders are to be submitted in plain sealed envelopes and should be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT PLASTIC BAGS".

### SUPPLY AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED EXTENSION TO RELIGIOUS TEACHERS' TRAINING COLLEGE, B. S. BEGAWAN

REGISTERED Class A Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment To Proposed Extension To Religious Teachers' Training College, B. S. Begawan.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 1st April, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bone fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 25th April, 1978 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:

"TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED EXTENSION TO RELIGIOUS TEACHERS' TRAINING COLLEGE, B. S. BEGAWAN.

Our clients, The Government of Brunei do not bind themselves to accept the lowest or any tender.



Pengiran Mohd Yassin



Awang Abdul Rahman



Awang Omar

# Tiga orang Pegawai Pentadbir di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menaikkan pangkat tiga orang Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas yang berkhidmat di-tiga buah jabatan Kerajaan Baginda.

Pengiran Mohd* Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin, Awang Abdul Rahman bin Haji Karim dan Awang Omar bin Haji Serudin di-naikkan menjadi Pegawai Pentadbir dalam Bahagian Satu ia-itu dalam sukatan gaji Kumpolan Empat. Kenaikan tersebut bermula pada 1hb Januari, 1978.

Dengan kenaikan pangkat itu, Pengiran Mohd Yassin sekarang di-tetapkan memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha Surohanjaya Perkhidmatan Awam, ia-itu jawatan yang di-pangku-nya sejak tahun 1975.

Pengiran Mohd Yassin mula berkhidmat dengan Kerajaan DYMM pada 9hb Julai, 1973 sa-bagai Pegawai Pentadbir di-jabatan tersebut.

Saperti Pengiran Mohd Yassin, Awang Abdul Rahman juga telah di-tetapkan untok memegang jawatan sa-bagai Penolong Kanan Pegawai Kewangan Negara yang di-pangku-nya beberapa ketika. Beliau mula berkhidmat sa-bagai Pegawai Pentadbir pada 7hb September, 1970.

Awang Omar sekarang memangku jawatan Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi. Sa-belum itu beliau bertugas sa-bagai Pegawai Pentadbir di-Yunit Peranchang Ekonomi sejak beliau berkhidmat pada 6hb Ogos, 1970.

Dari muka 1

Empat buah sekolah telah menyertai peraduan pada hari itu. Dalam bahagian Sekolah2 Rendah Melayu, Sekolah Melayu Bebuloh Brunei Tiga telah menjadi johan sa-telah menewaskan Sekolah Melayu Bukit Udal Tutong Dua, manakala dalam Bahagian Sekolah2 Persediaan Inggeris pula Sekolah Persediaan Inggeris Anggerek Desa telah menjadi johan sa-telah menewaskan Sekolah Persediaan Inggeris Tutong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Rogayah binte Haji Shafiee, isteri kapada Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei.

Sementara itu Bahagian Kesenian, Jabatan Pelajaran, juga telah memulakan Peraduan Berbalas Pantun Melayu bagi Sekolah2 Menengah.

Peraduan itu di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian lelaki dan perempuan. Sa-banyak 17 buah Sekolah Menengah dan Maktab mengambil bahagian.

Peraduan itu telah pun bermula pada 20hb Mach yang baru lalu. Perengkat akhir di-jangka akan di-adakan di-Sekolah Inggeris Berakas pada satu tarikh yang akan di-tentukan kelak.

## Lawatan muhibbah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan 20 orang kaki-tangan Jabatan Kerja Raya akan mengadakan lawatan muhibbah ka-Singapura pada 30hb Mach ini.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Ibrahim bin Haji Ali itu akan menjadi tetamu Kelab Sokan Jabatan Raya Singapura.

Di-samping melawat ka-beberapa tempat yang menarek, pelawat2 itu juga akan mengadakan perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan dengan pasokan tuan rumah. Rombongan tersebut akan berada di-sana sa-lama empat hari.

# Jadual lawatan doktor terbang bagi bulan April

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan rombongan doktor terbang ka-kampong2 pendalaman bagi bulan April depan.

Menurut kenyataan yang di-keluarkan oleh jabatan tersebut rombongan doktor terbang itu akan melawat 14 buah kampong di-Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait. Lawatan tersebut akan bermula pada 3hb April dan berakhir pada 26hb April.

Tujoh buah kampong di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Kampong2 Benutan pada 3hb April, Panchong pada 10hb April, Ukong pada 11hb April, Belabau pada 17hb April, Supon Besar pada 19hb April, Long Mayan pada 24hb April dan Bukit pada 25hb April.

Rombongan tersebut akan melawat empat buah kampong di-Daerah Belait ia-itu Kampong Sukang pada 12hb April, Kampong Melilas pada 18hb April, Kampong2 Baran dan Teraja pada 26hb April.

Kampong2 Lopat, Biang Menengah dan Lamaling, kesemua-nya di-Daerah Temburong, masing2 akan di-lawati oleh rombongan tersebut pada 4hb dan 5hb April.

## Kursus Sivik Bimbingan Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerja-sama Jabatan Buroh, akan menganjorkan 'Kursus Sivik Bimbingan Tenaga' kali pertama pada tahun 1978 ini, bertempat di-Pusat Belia sini mulai 23hb hingga 26hb April depan.

Sa-ramai 100 orang yang bukan kakitangan Kerajaan atau bukan dari sharikat atau firma2 akan mengikuti kursus2 tersebut yang di-jangka akan di-adakan sa-banyak tiga kali.

Thema kursus tersebut ia-lah "Berdikari Asas Pembangunan" dan sa-banyak 11 tajok cheramah akan di-sampaikan dalam kursus tersebut, antara-nya ia-lah: Peranan Pejabat Buroh dan hubongan-nya dengan orang ramai; Proses pengambilan kerja; Peluang2 Kerja di-Sharikat Minyak Shell; Peluang dalam sektor Pertanian dan lain2.

# PENDAFTARAN DI-BUKA UTK MEMASOKI PEPEREKSAAN T.M.I (M) BULAN JUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran kini membukakan pendaftaran bagi memasoki pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu (M) Institiut Singapura, Jun 1978 yang akan di-adakan pada 16hb, 18hb, dan 23hb Jun depan.

Pepereksaan tersebut yang akan di-jalankan di-12 buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri ada-lah di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura dan di-kelolakan oleh bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran di-dalam dua aliran ia-itu Melayu dan Inggeris.

Semua permohonan untok memasoki pepereksaan itu, chalun2 ada-lah di-kehendaki mengisi borang pendaftaran yang di-sediakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran ia-itu Borang 'B' dan Borang 'TMI'. Hanya' mereka yang mengisi borang berkenaan sahaja akan di-benarkan mendudoki pepereksaan.

Pelajar2 Kelas Dewasa dan Kelas Perdagangan yang mempunyai kedatangan belajar yang memuaskan dan mendapat sokongan dari guru yang mengajar sa-haja akan di-terima masok pepereksaan dan pemohon hanya di-benarkan mengambil satu perengkat sahaja pada tiap2 mata-pelajaran.

Borang2 pendaftaran yang telah di-isikan hendak-lah di-serahkan kapada guru2 yang berkenaan untok di-serahkan kapada penyelia2 di-sekolah masing2 atau penyelia pelajaran dewasa di-pusat2 pepereksaan yang telah di-tetapkan.

Permohonan memasoki pepereksaan ini hendak-lah di-sertakan bayaran masok dengan wang tunai atau dengan wang kiriman Pos sa-hingga 13hb April depan. Permohonan yang lewat dari tarikh itu tidak akan di-terima.

Berikut ia-lah mata2-pelajaran, perengkat dan bayaran masok pepereksaan yang di-kenakan.

**Trengkas:** Permulaan $11.00, Menengah $13.00 dan Tertinggi $16.00; Trengkas (reporting-speed 150/160 psm) $21.00.

**Menaip:** Permulaan $9.00, Menengah $11.00 dan Tertinggi $13.00.

**Menaip Ujian Pantas:** Menengah $10.00 dan Tertinggi $10.00; **Steno Melayu:** Junior $13.00 dan Senior $21.00.

**Simpan Kira:** Permulaan $12.00 dan Menengah $13.00.

Chalun2 yang memasoki pepereksaan steno hendak-lah mempunyai kebolehan Trengkas dan Menaip sa-bagai berikut: Junior — kepantasan Trengkas 80 psm dan Menaip 20 psm, sementara Senior — kepantasan Trengkas 110 psm dan Menaip 30 psm.

## Peraduan Pencharagam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-telah berjaya mengadakan pertandingan MUTIKA baru2 ini, Radio Talivishen Brunei akan menganjorkan pula satu peraduan yang berchorak muzik ia-itu Peraduan Pencharagam.

Penerbit ranchangan ini, Awang Abdul Wahab bin Muhammad menyatakan bahawa tujuan di-adakan peraduan ini ia-lah untok menchari serta memopok bakat2 seni dalam arena muzik di-samping mengketengahkan para ahli2 muzik tanah ayer.

Kata-nya jika ranchangan ini mendapat sambutan, ia-nya akan di-jalankan pada tiap2 tahun dan di-jadikan projek tahunan Radio Talivishen Brunei.

Peraduan ini ada-lah terbuka kapada mana2 kumpolan pencharagam baik yang berupa kugiran atau pun kumpolan gambus yang ahli2-nya hendak-lah terdiri dari warga-negara Brunei.

Tiap2 kumpolan yang akan menyertai peraduan ini mesti-lah mengandongi tidak kurang dari enam orang pemain dan hendak-lah mengemukakan dua orang penyanyi (lelaki atau wanita) dari ahli pencharagam itu sendiri.

Sa-tiap kumpolan hendak-lah menggunakan alat2 muzik mereka sendiri dan pehak RTB hanya akan menyediakan alat2 saperti drum set, organ atau piano dan bonggos sa-masa pemilehan, latehan2 atau rakaman di-jalankan.

Ujian kelayakan akan di-adakan dari satu masa ka-satu masa mengikut giliran yang di-tentukan oleh pehak penerbit dan mana2 kumpolan yang terpileh dan di-siarkan untok memasoki peraduan ini akan di-bayar sa-banyak $400.00.

Lain2 sharat dan borang untok menyertai peraduan ini boleh di-dapati dari Penerbit ranchangan tersebut. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb April, 1978.

## Cheramah mengenai setem Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu cheramah mengenai Setem2 Brunei dan pengutipan setem am-nya akan di-adakan di-Dewan Peringatan Churchill pada 10hb April mulai jam 5.00 petang.

Cheramah ini akan di-sampaikan oleh Awang F. Ferry, sa-orang pakar setem Brunei. Beliau di-perchayai mempunyai hampir satu set penoh setem Brunei.

Cheramah ini ada-lah kali kedua di-anjorkan oleh Kelab Pengumpol Setem Brunei yang baru di-tubohkan. Cheramah yang pertama telah di-adakan di-tempat yang sama pada 13hb Mach lalu.

Peminat2 setem ada-lah di-alu2kan untok menghadhiri cheramah tersebut dan melihat setem2 yang akan di-pamerkan.

Pengasas dan Pengerusi kelab tersebut Awang William Housego-Woolgar juga mempelawa peminat2 setem di-negeri ini untok menjadi ahli kelab tersebut.

# Peluang ikuti ranchangan JENAKARAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Talivishen Brunei akan mengadakan satu ranchangan yang berchorak jenaka yang di-berinama JENAKARAMA. Ranchangan ini di-adakan sa-bagai persediaan untok di-siarkan pada Hari Raya yang akan datang.

Ranchangan ini terbuka kapada pelawak2 tanah ayer.

Sa-tiap peserta akan menjalani satu ujian di-Dewan Raya pada satu tarikh yang akan di-umumkan.

Pasokan atau mereka yang di-fikirkan layak dan sesuai sahaja akan di-undang untok mengambil bahagian dalam ranchangan tersebut.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian hendak-lah berhubong dengan penerbit ranchangan tersebut di-Bilek Penerbitan Ranchangan TV, Bangunan RTB.

Sa-tiap peserta hendak-lah memenohi sharat2 saperti di-bawah ini :

* Berumor 20 tahun ka-atas
* Berlawak berkisar sambutan Hari Raya
* Tidak menyinggong mana2 pehak sa-chara berterang2an atau sebalek-nya
* Keolahan tidak berlebehan (sesuai untok tuntonan orang ramai)
* Urusan menghadhiri ujian tidak di-tanggong oleh pehak penganjor.

Tarikh tutop untok menerima pendaftaran ia-lah pada 15hb April, 1978.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.